



# KOMUNITI KRISTIAN

*Siri / Asas Kepercayaan Kristian*

# **Komuniti Kristian**

## **Siri Asas Kepercayaan Kristian**

Siri ini mempunyai 18 tajuk yang membincangkan beberapa asas kepercayaan (doktrin) Kristian. Jaroslav Pelikan, seorang ahli sejarah gereja mendefinisikan doktrin Kristian seperti berikut: “Doktrin Kristian adalah apa yang dipercayai dan diajarkan oleh gereja.” Jadi, apa yang kita akan perhatikan adalah kepercayaan-kepercayaan asas tentang kebenaran di dalam ajaran Kristian.

Buku kecil ini disusun sedemikian rupa untuk kegunaan peribadi atau dalam kelompok kecil. Jangan hairan kalau ramai orang Kristian, terutama generasi muda, yang tidak memahami beberapa asas kepercayaan Kristian, sehingga iman mereka mudah diganggu-gugat dan dipesongkan oleh pihak-pihak tertentu.

Semoga buku-buku dalam siri ini akan membantu anda, anak anda serta jemaat gereja anda untuk bertumbuh dalam pemahaman tentang asas-asas kepercayaan Kristian.

Cetakan Pertama: Mei 2015

Dicetak di Malaysia

Petikan Alkitab diambil dari Alkitab Bahasa Malaysia (Berita Baik) dan Alkitab Terjemahan Baru Indonesia.

Hak Cipta © 2015 Wawasan Penabur Sdn Bhd

# Komuniti Kristian

<sup>23</sup>Hendaklah kita berpegang teguh kepada harapan yang kita akui, kerana Allah dapat dipercayai dan Dia akan menepati janji-Nya.

<sup>24</sup>Hendaklah kita perhatikan satu sama lain, supaya kita dapat saling memberikan dorongan untuk mengasihi satu sama lain dan untuk melakukan hal yang baik. <sup>25</sup>Janganlah kita hentikan kebiasaan berkumpul bersama-sama, seperti yang dilakukan oleh beberapa orang saudara. Sebaliknya lebih-lebih lagi kita harus menggalakkan satu sama lain, kerana kita tahu bahawa tidak lama lagi Tuhan akan datang.

*(Ibrani 10:23-25)*

**S**eorang Kristian dilahirkan semula ke dalam satu komuniti orang percaya. Pengikut Yesus yang baru tidak seharusnya menjalani kehidupan sebagai seorang Kristian secara bersendirian tetapi sebagai sebahagian daripada Tubuh Kristus yang besar, iaitu jemaat atau komuniti orang percaya. Terdapat tiga golongan komuniti bagi orang Kristian: keluarga, kelompok kecil dan gereja. Dalam buku ini, kita akan membincangkan tentang golongan keluarga dan kumpulan kecil. Gereja akan dibincangkan sebagai satu topik yang khusus.

## A. Keluarga

Keluarga merupakan kumpulan masyarakat pertama yang dialami oleh seseorang. Kita semua dilahirkan ke dalam satu unit keluarga. Akan tetapi, perceraian, kematian, sakit penyakit, dan tragedi yang lain mungkin memaksa seseorang untuk membesar bukan dengan ibu bapa kandungnya, tetapi dengan orang lain atau keluarga angkat.

Keluarga Kristian adalah satu ramuan penting dalam perkembangan kerohanian seorang Kristian. Selepas membebaskan umat Israel dari tanah Mesir, Allah menegaskan kepentingan pembentukan kanak-kanak dari rumah. Rujuk Ulangan 6:7. Keluarga seharusnya menjadi pengaruh dan pembimbing utama ke arah kematangan rohani seseorang.

“Ajarkanlah hukum itu kepada anak-anak kamu.  
Percakapkanlah hukum itu semasa kamu di rumah ataupun  
berpergian, semasa kamu berehat ataupun bekerja.”  
(Ul 6:7)

Jika anda ialah seorang ketua keluarga, anda memiliki amanah daripada Tuhan untuk memimpin ahli keluarga anda di dalam rumah anda kepada kematangan Kristian. Di dalam Kejadian 18:19, Allah berbicara kepada Abraham tentang tanggungjawab dalam menjaga anak-anaknya.

“Aku sudah memilih dia supaya memerintah anak-anak dan keturunannya untuk taat kepada-Ku dan melakukan hal yang benar dan adil. Jika mereka berbuat demikian, Aku akan memenuhi segala janji-Ku kepada Abraham.”  
(Kej 18:19)

## 1. *Mengucap Syukur*

Amalan berdoa sebelum makan harus diamalkan jika semua ahli keluarga beragama Kristian. Jika terdapat segelintir yang masih belum menerima Tuhan, mintalah kebenaran daripada mereka terlebih dahulu sebelum anda berdoa. Tunjukkan kesyukuran anda terhadap penjagaan Allah. Anda mungkin berfikir kerja keras dan gaji bulanan memberikan anda pendapatan untuk hidup. Akan tetapi bagaimana sekiranya anda tidak mampu bekerja disebabkan penyakit ataupun kecacatan? Sudah pastilah Allah yang menjaga anda. Oleh itu bersyukurlah kepada-Nya.



Kadang-kadang bila ada teman yang bukan Kristian datang melawat, kita mungkin berasa segan dan janggal untuk mengucap syukur sehingga terpaksa

berdoa secara tersembunyi. Perkara ini tidak seharusnya terjadi. Ini merupakan peluang emas untuk kita bersaksi. Ada baiknya kita menjelaskan kepada tetamu terlebih dahulu sebelum berdoa. Jika ada kesempatan selepas makan, anda boleh mengongsikan alasan di sebalik ucapan syukur anda itu.

Sebagai ketua keluarga dalam rumah, anda haruslah memainkan peranan penting dalam pengucapan syukur setiap kali anda dan keluarga menjamah makanan. Ada baiknya anda juga turut mengagihkan tugas berdoa kepada ahli keluarga yang lain.

## **2. Persekutuan Keluarga**

Keluarga merupakan unit asas di dalam komuniti Kristian. Anda seharusnya mengasingkan masa untuk persekutuan keluarga (*family worship*) sekiranya semua ahli keluarga adalah Kristian.

Pilihlah satu masa yang sesuai bagi semua ahli keluarga untuk meluangkan masa bersekutu dan menyembah Tuhan. Ada kemungkinan masa terluang anda mungkin tidak sesuai untuk mereka yang lain. Harus ditekankan bahawa sekiranya ibu-bapa merasa sesuatu perkara itu penting, ia pasti dapat dilakukan. Antara masa yang sesuai ialah selepas makan malam. Ini kerana semua ahli keluarga telah kembali ke rumah dan perkara-perkara lain juga telah diselesaikan. Sekiranya mereka ingin menonton

rancangan televisyen pada waktu itu, anda harus membuat satu pendirian untuk menyedarkan mereka tentang kepentingan keluarga.

Jadikan sesi bersekutu seringkas mungkin. Mulakan dengan nyanyian lagu kemudian pembacaan Firman Tuhan. Buatlah sebuah sistem ataupun perancangan untuk pembacaan Firman Tuhan. Setelah itu, bukalah ruang untuk perkongsian. Luangkan masa untuk berdoa, memuji dan menyembah Tuhan bersama-sama.

Biarlah persekutuan itu sederhana, pendek tetapi bermakna. Anda mungkin boleh memulakan dengan sebuah lagu. Kemudian membaca satu petikan Alkitab. Sebaiknya mempunyai satu rancangan pembacaan Firman Tuhan yang sistematik. Bukakan waktu untuk perkongsian. Ambil masa untuk menyembah Tuhan dan berdoa untuk satu sama lain. Sekiranya anak anda sakit dan berada di dalam biliknya, lakukanlah persekutuan anda di dalam bilik tersebut. Tujuannya ialah untuk memastikan persekutuan keluarga sesuai dengan keperluan semasa. Anda sedang menyerahkan setiap ahli keluarga kepada Tuhan serta mendorong iman masing-masing. Anda sekeluarga sedang meluangkan masa dengan Allah Bapa.



### **3. Sekiranya anda satu-satunya orang Kristian**

Kita selalu mendapati di dalam budaya kita bahawa mereka yang baru menerima Kristus merupakan orang percaya yang tunggal (dan pertama) di dalam sesebuah keluarga. Sekiranya anda ialah seorang ibu ataupun bapa di dalam keluarga, adalah menjadi tanggungjawab anda untuk menyampaikan kebenaran Kristian kepada pasangan dan anak-anak anda. Jika anda ialah anak di dalam keluarga, anda harus menjadi saksi kepada ibu bapa tentang bagaimana Tuhan Yesus Kristus dan juga Roh Kudus telah mengubah diri anda. Anda ialah 'Alkitab' pertama yang mereka baca sebelum membaca Firman Allah yang sebenar.

## **B. Kelompok Kecil**

Gereja-gereja zaman kini sedang mengkaji semula kepentingan kelompok kecil (kelompok sel). Ia merupakan penemuan semula kerana sejak dari dahulu lagi pertumbuhan dan perkembangan Kristian bermula daripada kelompok-kelompok kecil, meskipun istilah 'kelompok kecil' tidak digunakan pada masa itu. Disebabkan oleh perkembangan gereja dari segi saiz dan pembentukan institusi, faktor kelompok kecil hilang di dalam huru-hara carta organisasi.

### **1. Teladan Yesus**

Ketika Yesus berada di bumi dahulu, Dia bekerja keras dengan sebuah kelompok kecil pilihan-Nya sendiri. Dia menumpukan pelayanan-Nya kepada



kumpulan yang terdiri daripada bilangan orang yang sedikit. Markus 3:13-15 menceritakan kisah ini kepada kita. Masa yang diluahkan-Nya untuk berkhotbah di khalayak orang ramai agak pendek jika dibandingkan dengan masa yang dihabiskan-Nya untuk mengajar para rasul.

<sup>13</sup>Kemudian Yesus pergi ke kawasan berbukit. Dia memanggil semua orang yang dikehendaki-Nya. Mereka datang, <sup>14</sup>lalu Yesus memilih dua belas orang antara mereka. Dia berkata kepada mereka, “Aku telah memilih kamu supaya menyertai Aku. Aku juga mengutus kamu untuk mengisytiharkan Berita Baik daripada Allah. <sup>15</sup>Kamu akan mendapat kuasa untuk mengusir roh jahat.”

(Mrk 3:13-15)

Apa yang menarik adalah kelompok Yesus terdiri daripada ahli-ahli yang unik. Mereka datang daripada pelbagai latar belakang masyarakat,

perwatakan dan kecenderungan politik yang berbeza. Ini ialah contoh yang baik untuk kita pada hari ini bahawa Yesus Kristus menggunakan semua jenis golongan manusia biasa – sama seperti kita. Di dalam kelompok tersebut, Yesus membentuk mereka sehingga menjadi saksi yang dinamik di abad pertama sejarah Gereja. Kita juga boleh digunakan sedemikian!



## 2. Corak Gereja Awal

Lukas menggambarkan komuniti Kristian awal di dalam Kisah Rasul-Rasul. Dia menyatakan bahawa kehidupan komuniti tersebut berlegar kepada dua buah pusat: Rumah Tuhan dan rumah masing-masing. Rujuk Kisah Rasul-Rasul 2:46 dan 5:42. Apakah perkara yang dilakukan di dalam Rumah Tuhan dan juga rumah para umat Kristian pada masa itu?


“Tiap-tiap hari mereka berkumpul di Rumah Tuhan, dan mereka makan bersama di rumah mereka dengan sukacita dan rendah hati.” (Kis 2:46)

“Setiap hari, baik di Rumah Tuhan mahupun di rumah orang, mereka tidak berhenti-henti mengajarkan dan mengkhabarkan Berita Baik bahawa Yesus itulah Penyelamat yang diutus oleh Allah.” (Kis 5:42)

Ketika Gereja berkembang hingga ke Empayar Roma melalui pelayanan Paulus, kita juga mendapati wujudnya komuniti umat percaya berkumpul di dalam rumah-rumah. Terdapat rujukan di dalam Filemon bab 2 yang mengatakan umat Allah berkumpul di dalam rumahnya. Rumah-rumah

sering digunakan sebagai tempat berdoa (Kisah Rasul-Rasul 12:12), persekutuan Kristian (Kisah Rasul-Rasul 21:7), berkelompokan spontan para penginjil (Kisah Rasul-Rasul 16:32), penginjilan terancang (Kisah Rasul-Rasul 10:22) dan tempat rancangan serta arahan dilakukan (Kisah Rasul-Rasul 5:42).

### 3. Kesaksian Gereja di Sepanjang Sejarah



Kebanyakan pembaharuan yang telah terjadi di sepanjang sejarah gereja dimulakan oleh kelompok-kelompok kecil. Terdapat ramai individu seperti Fransiskus dari Assisi yang berkumpul di dalam kelompok kecil untuk berdoa, belajar, berlatih dan melayani sewaktu Zaman Pertengahan. Salah satu contoh yang terbaik ialah kelompok kecil yang membentuk kebangkitan rohani Methodist. John Wesley membahagikan kelompok-kelompok kecil itu kepada *Society*, *Class* dan *Bands* untuk membantu membangun iman orang baru percaya. Struktur kelompok dan perjumpaan kelas yang dilakukan oleh gereja Methodist merupakan kebangkitan dan kebangunan rohani yang paling lama di dalam sejarah gereja sehingga hari ini.



John Wesley  
(1703-1791)



## C. Tujuan Kelompok Kecil

Tuhan merindukan para pengikut-Nya menjadi murid yang sejati iaitu seorang yang bertumbuh semakin dewasa dalam pengenalan akan Allah, pengajaran, karakter, dan seluruh aspek hidupnya menuju kesempurnaan Kristus.

Untuk mencapai kesempurnaan itu diperlukan proses, iaitu pemuridan. Pemuridan dapat dilakukan dalam kelompok kecil dan ia adalah satu strategi yang sangat berpotensi kerana di dalam kelompok kecil dapat terjadi pembinaan yang intensif, progresif dan interaktif.

Kelompok kecil mempunyai beberapa tujuan:

### 1. *Menyembah dan mentaati Kristus*

Tujuan utama untuk semua komuniti Kristian adalah untuk memuliakan Tuhan Yang Maha Esa. Demikian juga dengan kelompok-kelompok kecil, ia ditubuhkan untuk mematuhi dan menyembah Yesus Kristus. Ia tidak seharusnya dibina semata-mata untuk menghasilkan suasana menyenangkan dan kesatuan luaran. Kristus harus menjadi pusat bagi kelompok kecil ini. Tumpuan utama haruslah untuk memuliakan Yesus Kristus.



## 2. Hidup di bawah kewibawaan Firman Allah

Corak hidup kumpulan kecil haruslah dipimpin oleh Firman Allah. Ia bukan masa untuk memperkenalkan teori kita tentang kemanusiaan dan ketuhanan, tetapi ia adalah masa untuk berserah sepenuhnya kepada Firman Allah agar ia memberi impak yang besar di dalam kehidupan kita. Alkitab harus menjadi petunjuk bagi setiap aktiviti di dalam kelompok.

## 3. Memupuk Persekutuan

Manusia dicipta untuk hidup di dalam komuniti. Kelompok kecil menyediakan peluang seperti ini. Persekutuan umat Kristian atau 'koinonia' melibatkan keintiman di dalam perhubungan melalui kehadiran Roh Kudus. Dimensi menegak di dalam hubungan bersama Allah membolehkan kita mempunyai hubungan dimensi mendatar 'koinonia' bersama umat Kristian yang lain. Perkara ini dapat dilihat dalam Yohanes 13:25. Ia merupakan tanda seorang murid Kristian.



## 4. Untuk melayani satu dengan yang lain

Komuniti Kristian mempunyai tanggungjawab untuk melayani satu sama lain dengan kurnia rohani masing-masing. Sekali lagi, kelompok kecil menyediakan peluang sedemikian. Di dalam suasana ini, semua orang boleh melayani dan juga dilayani. Terdapat dorongan dua hala ketika kita membantu dan dibantu orang lain. Ibrani 10:24, 25 menjelaskan tentang hal ini.

5. *Membawa orang lain untuk iman yang hidup di dalam Yesus*

Gereja mungkin agak kurang selesa bagi mereka yang belum biasa dengan iman Kristian. Akan tetapi, oleh kerana kelompok kecil berkumpul di rumah-rumah, ia memberikan suasana yang lebih selesa. Oleh itu, kelompok kecil merupakan cara terbaik untuk memperkenalkan mereka kepada Yesus. Tambahan lagi, tetamu di dalam kelompok kecil boleh melihat perhubungan Kristian dengan mata sendiri. Kesan kelompok kecil sebagai alat penginjilan adalah amat menakjubkan.

6. *Mempersiapkan diri dalam misi.*

Kelompok kecil tidak akan berkembang sekiranya para ahli hanya tertumpu kepada diri sendiri dan mengasingkan diri daripada masyarakat luar. Para kelompok kecil harus melihat apa yang sedang dilakukan oleh Roh Allah di dalam kesengsaraan dunia kemudian bertindak balas dengan taat kepada Tuhan. Menyokong Penginjil dan misionaris dapat memberikan kesempatan untuk kelompok kecil mengambil satu lagi langkah dalam penginjilan dunia.

## D. Melibatkan Diri Dalam Kelompok Kecil

1. Mencari kelompok kecil.

Gereja dan denominasi yang berlainan mempunyai nama yang berbeza untuk merujuk kepada kelompok kecil mereka. Ada yang memanggilnya "Care Group", "kelompok sel", "Contact Group", CG dan

sebagainya. Akan tetapi mereka mempunyai maksud dan tujuan yang sama.



Ada sesetengah gereja yang dijalankan berdasarkan konsep kelompok kecil, di mana kelompok kecil merupakan pusat kepada kewujudan dan pelayanannya gereja. Kebanyakan kelompok kecil ditubuhkan mengikut kawasan. Oleh yang demikian, anda hanya perlu mencari kelompok kecil yang berada di sekitar kawasan anda. Ada juga yang ditubuhkan mengikut garisan umur, pekerjaan, minat ataupun fungsi. Anda mungkin disertakan dengan kelompok umur sebaya ataupun golongan yang sesuai.

Di dalam gereja yang bersaiz besar, mungkin agak sukar untuk mengenal pasti mereka yang tidak termasuk di dalam kelompok kecil. Oleh itu, adalah lebih baik untuk mengambil inisiatif dan bertanya daripada menunggu ajakan orang. Lawatlah kelompok mereka dan ikut serta secepat yang mungkin.

## 2. Mengikuti kelompok kecil

Kelompok kecil diwujudkan untuk penyertaan anda. Sebanyak mana penyertaan anda, demikian juga manfaat yang akan diperolehi. Kenalilah mereka yang berada di dalam kelompok kerana mereka

juga ingin mengenali anda. Kadang-kala perselisihan faham disebabkan perbezaan personaliti akan terjadi. Cara terbaik untuk mengatasinya ialah dengan berbincang bersama ketua kelompok ataupun pemimpin gereja. Masalah lebih baik diselesaikan dan bukannya disembunyikan. Ingatlah bahawa tidak ada manusia yang sempurna, termasuklah diri anda, demikian juga dengan kelompok kecil. Tetapi Roh Kudus yang bekerja di dalam anda semua yang berada di dalam komuniti 'koinonia' kecil pasti akan mengubah anda menjadi lebih menyerupai Yesus.

---



## Soalan Untuk Perbincangan

1. Jika anda berasal dari sebuah keluarga Kristian, bincangkan bagaimanakah persekutuan keluarga boleh dilaksanakan di rumah anda, sekiranya ia belum dipraktikkan lagi.
2. Jika anda berasal dari keluarga bukan Kristian, apakah yang akan anda buat apabila mempunyai keluarga sendiri?
3. Pada pendapat anda, bagaimanakah penyertaan di dalam kelompok kecil dapat membantu anda bertumbuh sebagai seorang Kristian?

4. Berikan beberapa contoh kebimbangan anda apabila dijemput untuk menghadiri kelompok kecil di gereja anda? Bincangkan cara-cara untuk mengatasinya.
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
5. Apakah perkara praktikal yang boleh dilakukan dalam masyarakat besar oleh sebuah kelompok kecil?

NOTA

---

NOTA

---